Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization
Editors: Rahimah Embong, Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad, Hanif Md Lateh @ Junid, Fadzli Adam & Syed Hadzrullathfi Syed Omar
© Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE)
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
ISBN 978-967-0899-70-1 (2017), http: //www.inspire.unisza.edu.my

Konsep Ilmu dan Amal dalam Tasawuf

Mohd Shaifulbahri Abdullah & Syed Hadzrullathfi Syed Omar

Pusat Pengajian Usuluddin, FKI, UniSZA
Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.

sylutfi@unisza.edu.my
bahri@unisza.edu.my

Abstrak: Konsep ilmu dan amal adalah suatu perkara yang utama diberi penekanan dalam disiplin ilmu tasawuf. Ilmu yang difokuskan dalam kontek disiplin ilmu tasawuf adalah merujuk kepada keyakinan hati dan peningkatan keyakinan hati dari satu tahap kepada satu tahap yang lebih baik. Ia juga diistilahkan sebagai hal hati yang berubah-ubah yang berlaku kepada seseorng pengamal tasawuf sehingga sampai ke peringkat hal hati tersebut bersebati dalam diri seseorang dan tidak lagi berubah-ubah dan ia diistilah sebagai maqam hati. Amal pula merujuk kepada tingkahlaku dan perbuatan zahir yang menjadi kesan kepada perubahan hati yang dimiliki seseorang. Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan peranan ilmu dan amal yang dibincangkan dalam disiplin ilmu tasawuf terhadap perubahan hati seseorang pengamal tasawuf serta mengenalpati hubungkait antara ilmu dan amal dalam usaha menjadikan seseorang itu sebagai insan muhsin iaitu kemuncak perjalanan kerohanian seseorang hamba kepada keredaan Allah s.w.t. Kajian kualitatif ini dilakukan berasaskan analisis kandungan dengan menggunakan pelbagai sumber disiplin ilmu tasawuf. Kajian mendapati bahawa ilmu dan amal merupakan elemen-elemen penting dalam disiplin ilmu tasawuf merupakan asas penting yang tidak boleh ditinggalkan seseorang yag ingin mencapai peningkatan tauhid kepada Allah s.w.t. Ini adalah kerana semua ilmu dan amalan diterapkan dalam disiplin ilmu tasawuf adalah bertujuan supaya wujudnya penghayatan tauhid kepada Allah s.w.t. yang merupakan tonggak utama dalam akidah ahli sunnah wal jama`ah. Tanpa penghayatan tauhid, pegangan akidah diyakini hanya menjadi suatu kepercayaan yang hambar, tidak kuat untuk menuntun pemiliknya ke arah kesempurnaan kehambaan diri kepada Allah s.w.t.. Oleh itu, perlu dijelaskan bahawa ilmu dan amal bukan sekadar ilmu yang merujuk kepada pengetahuan semata-mata dan bukan pula sekadar amalan yang merujuk kepada amalan pergerakan anggota badan sahaja tanpa hubungan dengan perubahan sifat hati.

Kata Kunci: *ilmu dan amal; muhsin; Ahli Sunnah wal Jama`ah;*

PENDAHULUAN

Ilmu dan amal dalam tasawuf merupakan suatu disiplin ilmu yang telahpun dikenal pasti kewujudannya semenjak akhir kurun ke 2 hijrah lagi (Isa, 2005). Perkembangan disiplin ilmu dan amal dalam tasawuf adalah seiring dengan perkembangan ilmu dan amal dalam Akidah, dan ilmu dan amal dalam Fekah bermula dari satu generasi ke generasi dengan pelbagai percambahan ilmu dan amal yang dilakukan oleh tokoh-tokoh ulama muktabar dalam bidang masing-masing.

Dewasa kini, kelihatan ramai individu mempelajari disiplin ilmu dan amal dalam tasawuf kerana ianya merupakan satu-satunya kaedah menjadikan penghayatan tauhid seseorang mukmin itu menjadi kukuh dan teguh. Artikel ringkas ini akan membincangkan konsep ilmu dan amal dalam tasawuf yang saling berkaitan antara satu sama lain. Bak kata pepatah, “ Ilmu tanpa amal ibarat pokok yang tidak berbuah”. Ianya memberi maksud setiap ibadat kepada Allah s.w.t tanpa ilmu itu menjadi sia-sia dan jika bergantung dengan amal semata-mata tanpa ilmu akan menjadi rugi.

KONSEP ILMU DAN AMAL DALAM AL-QURAN DAN HADIS

Memahami maksud ilmu dan amal dalam tasawuf sangat penting bersumberkan kepada al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w sendiri. Firman Allah s.w.t:

تِلْكَ ءَايَٰتُ ٱلْكِتَٰبِ ٱلْحَكِيمِ ٢ هُدًى وَرَحْمَةً لِّلْمُحْسِنِينَ ٣ ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُم بِٱلْءَاخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ٤ أُوْلَٰٓئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ ۖ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ٥

Maksudnya: *"Ini ialah ayat-ayat Kitab (Al-Quran) yang mengandungi hikmat-hikmat dan kebenaran yang tetap kukuh,(2)Menjadi hidayat petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang sedia mengerjakan amal-amal yang baik(3)Iaitu orang-orang yang mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta mereka yakin tentang adanya hari akhirat.(4)Mereka itulah yang tetap mendapat hidayat petunjuk dari Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang berjaya.(5*)"

(Luqman(31): 2-5)

Imam al-Junaid al-Baghdadi berkata:

"*Siapa yang tidak hafal al-Qur'an dan tidak mau menulis hadis-hadis Rasulullah s.a.w maka ia tidak boleh diikuti dalam urusan ini (tasawuf), karena ilmu kita (tasawuf) ini diikat dengan al-Qur'an dan Sunnah*"

Justeru itu, terdapat ayat-ayat al-Quran mengutarakan kelebihan dan kewajipan berilmu dan beramal. Antaranya ialah firman Allah s.w.t:

وَٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلْعِلْمَ دَرَجَٰتٍۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ....

Maksudnya: *"... orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam PengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan"*

(al-Mujadilah(58):11)

Firman Allah s.w.t lagi:

وَمَا كَانَ ٱلْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُواْ كَآفَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَآئِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُواْ فِي ٱلدِّينِ وَلِيُنذِرُواْ قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوٓاْ إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ

Maksudnya: *"Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah)".*

(al-Tawbah(9): 122)

Firman Allah s.w.t lagi:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلْعِلْمَ وَيْلَكُمْ ثَوَابُ ٱللَّهِ خَيْرٌ لِّمَنْ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا ۚ وَلَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا ٱلصَّٰبِرُونَ

Maksudnya: "*Dan berkata pula orang-orang yang diberi ilmu (di antara mereka): Janganlah kamu berkata demikian, pahala dari Allah lebih baik bagi orang yang beriman dan beramal soleh dan tidak akan dapat menerima (pahala yang demikian) itu melainkan orang-orang yang sabar*."

(al-Qasas(28): 80)

Firman Allah s.w.t:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ إِنَّا لَا نُضِيعُ أَجْرَ مَنْ أَحْسَنَ عَمَلًا

Maksudnya: "*Sebenarnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh sudah tetap Kami tidak akan menghilangkan pahala orang-orang yang berusaha memperbaiki amalnya*."

(al-Kahfi(18): 30)

Seterusnya terdapat beberapa hadis yang mengungkapkan kewajipan dan suruhan berilmu sebagaimana berikut:

عْنْ اَنَسِ اِبْنُ مَالِكٍ قَلَ قَالَ رَسُوْل الله صلى الله عليه وسلـم طَلَبُ الْعِلْم فَرْيْضَةً عَلى كُلّ مُسْلِمٍ ووضِعً العِلْمِ عِنْدَ غَيْرُ أَهْلِهِ كَمُقِلِّدِ الْخَنَا زِيْرِ لْجَوْهَرَوَّللؤْلُؤَ وَالذَّهَبَ

Maksudnya: "*Dari Anas bin Malik ia berkata, Rasulullah saw, bersabda: Mencari ilmu itu wajib bagi setiap muslim, memberikan ilmu kepada orang yang bukan ahlinya seperti orang yang mengalungi babi dengan permata, mutiara, atau emas*" HR.Ibnu Majah

Hadis lain:

اطلبوا العلم من المهد الى اللهد

Maksudnya: "*Carilah ilmu dari buaian ibu sampai ke liang lahad.*"

Hadis lain lagi berbunyi:

من اراد الدنيا فعليه بعلم ومن اراد الأخرة فعليه بعلم ومن ارادهما فعليه بعلم

Maksudnya: *"Barangsiapa yang menginginkan dunia maka wajib baginya ilmu dan barangsiapa yang menginginkan akhirat, maka wajib baginya ilmu, dan barangsiapa menginginkan dunia dan akhirat, maka wajib baginya ilmu."*

Seterusnya terdapat sebuah hadis lain megatakan;

من سلك طريقا يلتمس فيه علما سهل الله له طريقا إلى الجنة

Maksudnya: *"Barangsiapa yang berjalan menuntut ilmu, maka Allah akan memudahkan baginya jalan menuju ke syurga."*

KONSEP ILMU DAN AMAL TASAWUF MENURUT PANDANGAN TOKOH-TOKOH SUFI

Merujuk kepada definisi ilmu dan amal dalam tasawuf maka terdapat pelbagai bentuk definisi telah diketengahkan oleh tokoh-tokoh sufi bermula dari kurun awal dan hingga kini. Shaykh Zarruq (m.899H) dalam hal ini menurut beliau ke semuanya itu adalah merujuk kepada sifat benar hati untuk menjadi hamba Allah s.w.t (Zarruq, 1990) dan ilmu dan amal membaiki hal ehwal hati untuk mengesakan Allah s.w.t (Zarruq, 1985) . Seterusnya, al-Qushayri (1989), mentakrifkan ilmu dan amal Tasawuf sebagai ilmu dan amalan penyucian jiwa, dan menghayati akhlak terpuji serta meninggalkan akhlak tercela (Isa, 2005), mendidik nafsu menjadi hamba Allah (Sakhr, 1970), tatacara membina kelakuan batin ke hadrat Ilahi (Ibn `Ajibah, 2009), ilmu tatacara peningkatan kerohanian (*taraqqi*) menjadi hamba yang sempurna (Haji Khalifah, 1990) dan lain-lain lagi.

Maksudnya, tokoh-tokoh sufi terdahulu mengemukakan suatu kefahaman tentang ilmu dan amal berpandukan kepada pengalaman kerohanian yang pernah mereka lalui, hayati dan memahaminya (al-Qushayri, 1989). Sebagai contoh, ada dalam kalangan mereka seperti Imam al-Junayd yang mendefinisikan ilmu dan amal Tasawuf berdasarkan kepada sebahagian kesan utama yang terhasil daripada penghayatan mereka seperti lahirnya sifat terpuji dan terhapus sifat tercela dari hati. Beliau juga pernah mendefinisikan ilmu dan amal Tasawuf sebagai; "Allah mematikan anda dari diri anda dan menghidupkan anda denganNya", iaitu merujuk kepada kemuncak penghayatan seorang dalam proses mentauhidkan Allah (al-Qushayri, 1989). Ada pula yang mentakrifkannya sebagai suatu proses membaiki jiwa yang sedang dilanda dengan pelbagai sifat buruk agar hati dapat dipulihkan semula menjadi baik, justeru ilmu dan amal tentang proses yang dijalani tersebut dinamakan sebagai ilmu dan amal Tasawuf. Ringkasnya, himpunan definisi ilmu dan amal dalam Tasawuf adalah dirujuk sama ada kepada matlamat kemuncak yang ingin dicapai, proses pengamalan dan penghayatan yang perlu di lalui seorang untuk pemurnian jiwa atau dirangkumkan kedua-dua aspek tersebut tadi (`Isa, 2005).

Manakala Imam al-Qusyairi dalam kitab *ar-Risâlah al-Qusyairiyyah* menulis satu sub judul dengan nama *"Ushûl at-Tauhîd 'Inda ash-Shûfiyyîn"*, membicarakan tentang pemurnian akidah yang diyakini oleh tokoh-tokoh sufi. Mereka adalah terdiri daripada golongan *Ahlu Sunnah wal Jamaah* iaitu mensucikan Allah s.w.t daripada keyakinan *tasybîh* (akidah sesat menetapkan adanya keserupaan antara Allah dengan makhluk-

Nya, seperti yang diyakini kaum Musyabbihah), dan mensucikan Allah s.w.t dari keyakinan *ta'thîl* (akidah sesat yang mengingkari Allah atau sifat-sifat-Nya, seperti yang keyakinan kaum Mu'tazilah).

Seterusnya, Imam Abu Bakr al-Kalabadzi dalam kitab *at-Ta'arruf Li Madzhab Ahl at-Tasawwuf* menuliskan sebagai berikut:

> *"Ketahuilah bahwa ilmu kaum sufi itu adalah al-Ahwâl. Al-Ahwâl ini adalah tingkatan keadaan pada diri seseorang yang hanya dapat diraih dengan pengamalan syari'at yang benar. Dan pengamalan terhadap syari'at yang benar pertama-tama adalah dengan mengetahui ilmu-ilmunya. Ilmu syari'at mencakup dasar-dasar ilmu fikih seperti shalat, puasa, dan fardlu-fardlu lainnya. Kemudian ilmu ma'amalat seperti nikah, talak, perniagaan, dan seluruh apa yang diwajibkan dan disunnahkan oleh Allah".*

PEMBAHAGIAN ILMU DAN AMAL KEPADA SYARIAT DAN HAKIKAT

Menurut Imam al-Ghazali, setiap ilmu dan amal syariat akan ada bersekali dengannya ilmu dan amal dari sudut hakikatnya. Contohnya seperti setiap ilmu dan amal syariat seperti solat, zakat, puasa dan haji maka akan ada ilmu dan amal hakikatnya seperti taubat, syukur, khusyuk, ikhlas, reda dan sabar. Hal ini adalah setiap yang zahir akan membawa kepada yang batin seseorang iaitu hati.

وعن الحسن رضي الله عنه ، قال : العلم علمان : فعلم في القلب فذاك العلم النافع، وعلم على اللسان فذلك حجة الله عز وجل على ابن آدم . رواه الدارمي .

Maksudnya:
"*Ilmu itu ada dua; ilmu di dalam hati maka itu adalah ilmu bermanfaat, dan ilmu di lidah sebagai hujjah Allah terhadap anak-anak Adam a.s*."

Daripada hadis di atas didapati bahawa ilmu yang bermanfa'at ialah ilmu yang melahirkan rasa takut kepada Allah. Perasaan takut ini kemudian akan melahirkan sikap taat kepada Allah dengan melakukan setiap perintah-Nya dan menghindari berbagai perbuatan maksiat kepada-Nya. Inilah yang dimaksud dengan firman Allah:

... إِنَّمَا يَخۡشَى ٱللَّهَ مِنۡ عِبَادِهِ ٱلۡعُلَمَٰٓؤُاْۗ ...

Maksudnya*: "Sesungguhnya yang benar-benar takut kepada Allah adalah para ulama"*.

(Fathir (35): 28)

MATLAMAT DAN RUANGLINGKUP ILMU DAN AMAL DALAM TASAWUF

Tujuan utama berilmu dan beramal dalam tasawuf adalah untuk mencapai kemuncak kepada makrifatullah dan musyahadah terhadap Allah s.w.t. Jika seseorang sudah teguh dan mantap keyakinan akidah terhadap kewujudan, keagungan(*jalal*) dan kesempurnaan (*jamal*) Allah s.w.t dan istiqamah dalam mengerjakan ibadat kepada Allah s.w.t maka ianya kurang sempurna selagimana tidak disertai dengan ilmu dan amal dalam rukun Ihsan iaitu tasawuf sebagaimana hadis Jibril a.s yang bermaksud:

قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا الْإِحْسَانُ قَالَ أَنْ تَخْشَى اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنَّكَ إِنْ لَا تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

Maksudnya: *" bertanya (Jibril): wahai Rasulullah, Apa itu Ihsan? Lalu Rasulullah menjawab; sesungguhnya kamu takut akan Allah s.w.t seolah-olah kamu melihat-Nya, Jika kamu tidak dapat melihat-Nya, maka sesungguhnya Dia melihat kamu."*

Daripada hadis di atas menunjukkan bahawa ruanglingkup ilmu dan amal dalam tasawuf secara jelas berkaitrapat dengan makna ihsan itu sendiri iaitu suatu ilmu dan amal yang perlu bagi dipertingkatkan dari semasa ke semasa untuk mencapai satu perasaan (*dhawq*) tentang kewujudan dan keesaan terhadap Allah s.w.t dan keyakinan beriman dan beramal yang bersungguh-sungguh (*mujahadah*) serta jitu terhadap-Nya.
Justeru itu, Muslim yang telah mencapai darjat Ihsan selalu merasa diawasi oleh Allah s.w.t dan natijahnya mereka akan dapat mencegah dirinya dari melakukan sesuatu yang dibenci-Nya , menghindari perbuatan maksiat, menghindari perbuatan keji dan mungkar hingga terbentuklah muslim yang berakhlak karimah sesuai dengan tujuan Rasulullah s.a.w diutus oleh Allah s.w.t sebagaimana sabda baginda:

إنما بعثت لأتمم مكارم الأخلاق

Maksudnya "*Sesungguhnya aku diutus (Allah) untuk menyempurnakan Akhlak.*" (HR Ahmad).

Imam Syafi'e r.a dalam kitabnya, Diwan Al-Imam Asy-Syafi'I (hal. 47) menyebutkan:

"*Berusahalah engkau menjadi seorang yang mempelajari ilmu fekah dan juga menjalani tasawuf, dan janganlah kau hanya mengambil salah satunya. Sesungguhnya demi Allah saya benar-benar ingin memberikan nasihat kepadamu. Orang yang hanya mempelajari ilmu fekah tapi tidak mahu menjalani tasawuf, maka hatinya tidak dapat merasakan kelazatan taqwa. Sedangkan orang yang hanya menjalani tasawuf tapi tidak mahu mempelajari ilmu fekah, maka bagaimana dia boleh menjadi baik (ihsan)?"*

KESIMPULAN

Penekanan terhadap ilmu dan amal dalam tasawuf dapat menyuburkan rasa ketaqwaan seseorang individu Muslim terhadap kewujudan dan keesaan Allah s.w.t . Dengan berbuat demikian, hati seorang insan akan menjadi bersih dan dapat meghampiri diri kepada hakikat dan makrifatullah. Masyarat Muslim tidak boleh mengabaikan konsep ilmu dan amal dalam tasawuf kerana kesedaran terhadap kedua-duanya amat penting untuk mendapat kerahmatan dan keredaan Allah s.w.t.

Kajian ini mendapati bahawa proses peningkatan kerohanian individu Muslim adalah bergantung dengan niat yang ikhlas dan kesungguhan menambah ilmu dan amal dalam tasawuf sebagai sumber memperkukuhkan jati diri.

RUJUKAN

Ahmad Zarruq, (1985). *Qawa`id al-Tasawuf.* Kaherah: Dar al-Sha'b.

Al-Ghazali, Muhammmad bin Muhammad bin Muhammad, *Ihya' Ulum al-Din,* (2011), Jedah: Dar al-Minhaj.

Hujwiri, `Ali bin Uthman al-Jallabi al- (1974), *Kasf al-Mahjub*, Terj. Dr. Is`ad Abd al-Hadi Qindil. Kaherah:Maktabah al-Iskandariyyah.

Ibn `Ajibah, `Abbas Ahmad bin Muhammad bin al-Mahdi al-Hasani (2009), *'Iqaz al-Himam fi Sharh al-Hikam*, c. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.

Jurjani, al-Sayyid al-Sharif Abi al-Hasan `Ali bin Muhammad bin `Ali al-Husayni al- (2000), *al-Ta`rifat*, Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.

Qushairi, Abu al-Qasim al-; (Tahqiq: Abd al-Halim Mahmud & Mahmud al-Sharif) (1989). *al-Risalah al-Qushairiyyah.* Kaherah: Dar al-Sha'b.